



## PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 9/1973

### *Perlantikan Pegawai Untuk Mengawal Tanah Yang Dirizab Untuk Kegunaan Persekutuan*

Tujuan Surat Pekeliling ini ialah untuk menasihatkan Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai lantikan pegawai di bawah seksyen 62(2)(c) Kanun Tanah Negara sebagai pegawai berkuasa (pengawal) tanah rizab kegunaan Kerajaan Persekutuan.

2. Di bawah seksyen 62(2)(c) Kanun Tanah Negara, pegawai yang hendak dilantik mestilah seseorang pegawai yang berkuasa bagi mengawal rizab itu bagi pihak Kerajaan Persekutuan dan pada masa yang lampau pegawai yang dilantik ialah Ketua Jabatan Persekutuan yang menggunakan tanah rizab tersebut. Setelah dilantik sedemikian, pegawai tersebut akan mempunyai kuasa di bawah seksyen 63(1) Kanun Tanah Negara untuk memutuskan sama ada kawasan yang dirizab itu boleh diberi pajakan (lease) ataupun boleh dibenarkan kegunaannya di bawah Lesen Menduduki Sementara menurut seksyen 66(c)(i) dan (ii). Pada menjalankan kuasa-kuasa tersebut, beliau tidaklah boleh melupakan kehendak-kehendak Perkara 85(3) Perlembagaan yang membekalkan bahawa *rizab Persekutuan akan dikawal dan dikendalikan oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan dan rizab tersebut adalah berkekalan*. Perkara tersebut membayangkan bahawa Pihak Berkuasa Persekutuan mestilah diperolehi sebelum Ketua Pejabat Jabatan Persekutuan dapat menyatakan keputusan yang dimaksudkan oleh seksyen 63(1) atau 66(c)(i) dan (ii) Kanun Tanah Negara.

3. Menurut cara yang diamalkan sekarang, Ketua Pengarah Tanah dan Galian yang juga Federal Lands Commissioner yang bertanggungjawab mentadbirkan tanah-tanah Persekutuan adalah diberi tugas mendapatkan keputusan Pihak Berkuasa Persekutuan di bawah Perkara 85 Perlembagaan. Keputusan tersebut, setelah didapati, akan disampaikan kepada Kementerian yang berkenaan untuk makluman pegawai berkuasa iaitu pegawai yang mengawal rizab Persekutuan.

4. Adalah difikirkan bahawa akan lebih berfaedah sekiranya Federal Lands Commissioner dilantik sebagai pegawai yang mengawal rizab Persekutuan di bawah Seksyen 62(2)(c) Kanun Tanah Negara kerana dengan demikian beliau akan bertanggungjawab terus kepada Pihak Berkuasa Negeri mengenai sesuatu cadangan untuk memberi pajakan ataupun mengeluarkan Lesen Menduduki Sementara bagi mana-mana rizab Persekutuan. Beliau juga akan mengambil tindakan untuk mendapatkan keputusan Pihak Berkuasa Persekutuan selepas menghubungi Kementerian dan Ketua Jabatan berkenaan.

5. Yang demikian, Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dinasihatkan bahawa apabila mewujudkan rizab Persekutuan adalah wajar dicadangkan supaya Federal Lands Commissioner dilantik di bawah seksyen 62(2)(c) Kanun Tanah Negara sebagai Pegawai Pengawal rizab tersebut.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,  
Ketua Pengarah Tanah dan Galian  
Persekutuan

P.T.TM 131

Kuala Lumpur,  
November, 1973.